

24/07/1997

Mengangkat martabat nasi lemak

ja

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad yang baru habis bercuti dua bulan, sudah pun memulakan tugas dengan mempengerusikan mesyuarat Kabinet semalam walaupun penatnya belum hilang selepas tiba dari Jepun petang kelmarin. Malah, sepanjang dua bulan itu, Perdana Menteri sebenarnya tetap bekerja dan kadangkala lebih sibuk daripada ketika tidak bercuti. Bezanya cuma di luar negara. Pengalaman lima hari `bercuti' dengannya di dua wilayah di Jepun cukup untuk mengetahui makna cuti Dr Mahathir. Kerana kedatangannya ke Jepun kali ini untuk `bercuti', layanan negara tuan rumah tentulah tidak seistimewa lawatan rasmi kecuali dari segi keselamatan. Dari aspek itu, Perdana Menteri memang seperti orang bercuti-menaiki bas dan sama-sama bersesak dengan orang ramai di kawasan tumpuan umum.

Kesan `percutiannya' di Jepun dan beberapa negara maju dan kurang maju dalam dua bulan itu - ialah masih banyak yang perlu dilakukan, sama ada oleh kerajaan atau rakyat, jika Malaysia mahu menjadi negara maju dalam erti kata sebenarnya. Menceritakan kesan lawatannya itu kepada wartawan yang menyertai destinasi terakhir percutiannya di Okayama City kelmarin, Dr Mahathir menimbulkan soal nasi lemak dan sikap peniaga kecil, kebersihan dan pertanian.

Keprihatinan beliau dalam soal yang dianggap kecil oleh kebanyakan kita termasuk di kalangan pembuat dasar sendiri, tidak sukar difahami jika keadaan di negara matahari terbit itu dijadikan contoh. Nasi lemak, roti canai dan teh tarik bagi kita di Malaysia ialah sushi, sashimi dan teh hijau di Jepun. Bezanya sushi dan sashimi tidak dibungkus dengan kertas komputer, manakala orang Jepun tidak meminum teh hijau di warung berbumbung plastik di atas longkang busuk. Mahu menikmati nasi lemak sedap sama ada di Kelana Jaya, Tang Ling atau Kampung Baru perlu beratur, itupun jika sempat tetapi masakan panas daripada resipi seorang tukang masak tersohor di Jepun boleh didapati di mana-mana lapangan terbang, stesen kereta api atau perhatian bas.

Di Jepun tidak ada tanah berbelukar. Perjalanan melalui lebuhraya dari Lapangan Terbang Toyama ke Kurobe City bagaikan merentasi jelapang padi di Kedah atau Seberang Perak - saujana mata memandang. Bagaimana padi juga ditanam di antara rumah, di tapak seluas gelanggang badminton di tepi stesen minyak, di halaman bangunan, malah di kawasan bandar di Jepun. Bas bandar di Okayama City tidaklah lebih hebat daripada Intrakota, Metro atau Cityliner di Kuala Lumpur. Sama seperti Stesen Bas Klang, berpuluh bas berbaris panjang menunggu penumpang. Hanya kami berempat menunggu di dalamnya dua minit sebelum masa berlepas. Tepat dua minit selepas itu, ia terus keluar dari barisan menunggu walaupun penumpangnya masih kami berempat. Perjalanan sesetengah jam untuk pulang ke hotel itu, mungkin boleh dipendekkan kepada 15 minit jika pemandu bas Metro memandunya kerana kesesakan pada hari itu hanya di lorong kami, bukan dari arah yang bertentangan - keadaan yang amat disukai oleh pemandu bas di Kuala Lumpur. Teksi di Jepun memang mahal dan kebanyakan pemandunya, hanya tahu `yes' dan `no'. Tetapi jika memberitahu destinasi dengan tepat, kita boleh tidur sehingga tiba tanpa khuatir dibawa makan angin atau tambang lebih.

Barangkali kerana perkara seperti inilah, selain teknologi dan kecekapan bangsa Jepun, Dr Mahathir terlalu menyukai negara itu. Tahun ini saja, sudah tiga kali beliau ke Jepun dan lawatannya ke Toyama Sabtu lalu, juga kali ketiga sejak 1987. Memang banyak perkara baik yang boleh dipelajari dari Jepun jika kita benar-benar mahu menjadi negara maju. Daripada soal

kebersihan tandas sehingga kepada kerajinan dan kelebihan teknologi. Soalnya sejauh mana kita sedia mengubah sikap dan sanggup meninggalkan perkara yang dianggap sudah menjadi tradisi bangsa walaupun kerananya, kita akan terus ketinggalan.

Orang Jepun pun asalnya sama seperti kita. Malah dalam beberapa perkara, kita lebih ke depan. Wanita masih lagi dianggap warga kelas dua di negara itu. Walaupun wanita digalakkan melanjutkan pelajaran setinggi mungkin di Jepun, bilangan mereka yang menjadi profesional masih terlalu rendah berbanding lelaki. Bangsa Jepun juga dulunya bukanlah bersih sangat, malah makanan utamanya - sushi dan sashimi - ialah ikan mentah. Tetapi kerana kesanggupan meninggalkan cara lama yang dianggap merugikan, mereka muncul sebagai bangsa yang maju. Kerana sikap tidak pernah penat berusaha meningkatkan mutu dan budaya perniagaan, restoran sushi dan sashimi kini hampir mengalahkan McDonald's dan KFC termasuk di Lembah Klang sendiri. Atas hakikat inilah, Perdana Menteri yakin nasi lemak juga boleh dijadikan makanan segera ala Obento dan tiada lagi tanah terbiar di kawasan luar bandar negara ini. Soalnya kita yakin boleh. Barangkali jawapan Miss Ritsuko Ohta, pegawai perhubungan Kedutaan Malaysia di Tokyo ada benarnya. Istilah yang paling banyak disebut dalam kehidupan rakyat Jepun ialah `hait' (ya). Memang ada istilah `tidak' dalam bahasa Jepun tetapi kerana ia tidak pernah didengar sepanjang empat hari di sana, kita sendiri lupa, Arigato gozaimasta!

(END)